


PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA TIAP2 HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 5

RABU 6 MACH 1963 (10 SHAWAL 1382)

PERCHUMA

D.Y.M.M. DENGAN URUSAN PENTING DI-MALAYA

ISTANA DARUL-HANA. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin sekarang ini maseh lagi berada di-Persekutuan Tanah Melayu.

Dua hari sa-belum Hari Raya baginda telah berangkat pulang untuk bersama2 dengan ra'ayat baginda menyambut Hari Raya Puasa di-tanah ayer.

Sa-belum berangkat sa-mula ka-Tanah Melayu pada 27hb Februari lepas baginda telah menyampaikan sa-buah titah di-Istana baginda menerangkan ka-pada ra'ayat betapa penting-nya baginda terpaksa - meninggalkan Brunei buat sementara waktu.

Keberangkatan baginda telah di-iringkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud, dan Yang Berhormat Timbalan Setia Usaha Kerajaan Dato Setia Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Di-Lapangan Terbang di-akas, antara ramai ra'ayat yang menguchapkan selamat belayar, ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi British Sir Dennis White, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato Setia Marsal bin Maun dan ketua2 pejabat serta orang2 yang kenamaan.

Dalam titah baginda yang di-sampaikan di-istana itu baginda berkata:

"Kapada seluroh ra'ayat beta yang di-kasehi, sama ada yang berada di-negeri Brunei mahu pun yang sedang berada di-luar negeri pada masa hari yang ber-bahagia ini:

"Dengan sempena hari baik, bulan baik ini beta menguchapkan ribuan terima kasih kepada seluroh ra'ayat beta, terutama nya yang telah datang menziarahi ka-Istana beta dan menguchapkan Selamat Hari Raya kepada beta.

"Beta telah menyatakan berkali2 bahawa Istana beta ini ada-lah terbuka kepada ra'ayat beta dan juga kepada sekalian penduduk2 di-negeri Brunei ini pada bila2 Hari Raya yang telah menjadi kelaziman sa-menjak beta chadangkan bertahun2 dahulu.

"Dalam menyambut hari baik, bulan baik ini beta perchaya ra'ayat beta maseh banyak lagi yang ingin hendak datang ber-

temu dengan beta dan bersalam2an dengan beta di-hari raya yang mulia ini.

"Tetapi beta berduka-chita sa-

dikit kerana Istana beta dan peluang beta berjumpa dengan ra'ayat beta hanya sa-dikit masa sahaja pada hari raya sekarang ini, ia-itu beta terpaksa meninggalkan ra'ayat beta buat sementara waktu, untuk berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu.

(Lihat Muka 4)



Suasana Hari Raya di-Istana Darul Hana. Baginda kelihatan riang gembira.

8,000 MULAI BERSEKOLAH

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 7,992 murid2 Sekolah2 Melayu di-negeri ini telah mula belajar sejak 4 Mach yang lalu dan sa-ramai 3,230 orang lagi murid2 dari 7 buah sekolah maseh belum dapat belajar di-sebabkan enam buah bangunan2 sekolah tersebut di-gunakan oleh Tentera Keselamatan dan yang sa-buah lagi telah rosak di-sebabkan binchana banjir yang berlaku baharu2 ini.

Bangunan yang rosak itu ia-lah Sekolah Melayu Amo.

Bangunan sekolah2 Melayu Sultan Hassan di-Bangar, Kinua (Temburong) Bunut, Baru2, Sultan Mohammad Jamalulu Alam dan Raja Isteri Fatimah, maseh lagi di-gunakan oleh Tentera Keselamatan British yang di-datangkan ka-negeri ini berikutan dengan meletus-nya penderhakaan pada 8 Disember tahun lepas.

Ketua Nazir Sekolah2 Melayu

Negeri Brunei, Che'gu Hussain bin Md. Yusof berkata, Sekolah2 Melayu Sultan Mohammad Jemalul Alam dan Raja Isteri Fatimah di-jangka akan di-buka sa-mula sa-baik2 sahaja bangunan samentara yang di-tempatkan di-Padang Maktab Omar Ali Saifuddin siap di-bena.

Beliau menyatakan bahawa bangunan2 samentara itu nanti akan di-gunakan oleh penuntut2 dari darjah IV hingga VIII bagi sekolah2 Sultan Mohammad Jemalul Alam dan Raja Isteri

RUNDINGAN SELESAI

KUALA LUMPUR. — Timbalan Menteri Besar Brunei Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud telah berkata di-sini minggu ini bahawa sharat2 bagi kemasokan Negeri Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia telah pun mendapat persetujuan dari kedua2 kerajaan Malaysia dan Brunei.

Dato Setia Pengiran Haji Ali telah mengetuai rombongan perwakilan Brunei dalam perundingan dengan Malaya mengenai penyer-taan Brunei ka-dalam persekutuan baharu itu.

Kata beliau perwakilan Brunei kini sedang menunggu2 satu tanda isharat dari Pejabat Perdana Menteri Persekutuan untuk menetapkan tarikh bagi menanda tangani satu perjanjian yang rasmi.

Butir2 perjanjian itu akan di-umumkan kemudian nanti, tambah beliau.

Persekutuan baharu yang di-jadualkan ujud pada 31hb Ogos tahun ini akan mengandungi negeri2 Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei.

Fatimah di-sa-belah pagi dan pada sa-belah petang pula akan di-gunakan oleh murid2 dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Penuntut2 sekolah2 Melayu S. M. J. A. dan R. I. F. dari darjah I hingga III tarikh mula2 belajar maseh belum di-tentukan lagi, tetapi pehak pejabat pelajaran sedang berusaha untuk membolehkan mereka itu belajar sa-mula dengan sa-beberapa segera, kata Che'gu Hussain.

Di-Sekolah Melayu Berakas, penuntut2 dari darjah IV hingga VI sudah pun mula belajar sejak hari tersebut, tetapi darjah2 I hingga III telah juga terhenti samentara menantikan siap-nya bangunan2 samentara yang sekarang ini sedang dalam pembinaan.

(Lihat Muka 7)

Ramai Lagi Guru2 Luar Hendak Berkhidmat Di-Sini

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei minggu ini telah mengeluarkan satu penapian akhbar berkenaan dengan kesukaran untuk mendapatkan guru2 dari sa-berang laut untuk berkhidmat di-negeri ini.

Dalam satu kenyataan-nya Kerajaan telah berkata bahawa tidak ada satu tanda pun yang menunjukkan guru2 dari sa-berang laut enggan untuk berkhidmat di-Brunei. Sa-balek-nya ramai lagi guru2 telah menerima kontrak tahun ini — lebeh ramai jika di-bandingkan dari tahun2 yang sudah.

Berita yang telah di-napikan itu telah berkata bahawa Brunei telah mengalami kekurangan guru2 terlateh dan dari itu satu dasar baharu haruslah di-buat.

Kerajaan telah pun meluluskan satu dasar melantek guru2 perchobaan sa-tahun dahulu dan sa-ramai lima orang guru Melayu telah di-lantek dalam tahun lepas. Banyak lagi jawatan2 guru telah di-masokkan dalam anggaran perbelanjaan bagi tahun ini.

Dasar tersebut di-buat ada-lah untuk menggalakkan murid2 tempatan yang lulus peperiksaan Senior Cambridge supaya berkhidmat dalam lapangan pendidiekan.

Kenyataan Kerajaan itu menambahkan kata, dengan chara melantek mereka itu saja-lah yang boleh menjamin Brunei tidak lagi payah mengambil guru2 dari luar negeri pada masa hadapan.

Tingkatan gaji yang di-iklan-kan bagi guru2 lulus latehan bukan-lah suatu perkara yang baharu, malahan ini telah pun berjalan kuatkuasa-nya sejak beberapa tahun yang sudah, kenyataan itu menambah kata.

Bilek Bachaaan

KUALA BELAIT. — Bilek bachaaan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Di-Kuala Belait telah di-buka sa-mula untuk orang ramai mulai 4hb Mach lepas pada tiap2 hari kechuali hari2 Juma'at, Ahad dan hari kelepasan awam.

Bilek itu mulai di-buka pada jam 10.00 pagi hingga jam 12.30 tengahari dan pada sa-belah petang mulai jam 2.00 hingga jam 6.00 petang.

Bilek bachaaan itu telah ditutup berikutan dengan men-chetus-nya penderhakaan yang bermula pada 8hb Disember tahun lepas.

LANJUTKAN PELAJARAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 23 orang penuntut2 Uagama Brunei di-Sekolah Al-Junid telah bertolak dengan kapal kerajaan Bolkiah ka-Labuan dalam perjalanan kembali ka-Singapura untuk menyambungkan pelajaran mereka di-sana, pada 28hb Februari lepas.

Mereka telah berada di-Brunei kerana berchuti Puasa kira2 sa-bulan.

Bersama2 mereka itu juga ialah lima orang pentutut2 baharu yang juga akan memasoki sekolah tersebut.

Mereka itu ia-lah Besar bin Abu Bakar dari Labu, Temburong, Dani bin Ibrahim dari Kampong Bunut, Brunei, Adam bin Ahmad, Metusin bin Haji Baki dan Alias bin Haji Jalil ka-semua-nya dari Daerah Brunei.

Mereka telah berlepas dari Labuan ka-Singapura dengan kapal terbang lewat petang itu juga.

Bertolak bersama2 penuntut2 itu ia-lah bintang2 filem Shari-ikat Cathy yang telah berada di-negeri ini untuk mengadakan malam aneka warna berturut2 sa-lama dua malam ia-itu pada malam2 26 dan 27hb Februari yang lalu.

Lulus Sijil Higher School

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang wanita China dan sa-orang lelaki Melayu dari Bandar Brunei telah berjaya mendapat sijil kelulusan peperiksaan Higher School Certificate yang telah di-adakan tahun lalu.

Kedua2 mereka, penuntut dari Maktab Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, ia-lah puan Lucy Chieng dan Inche Zainal bin Abdul Ghani.

Menurut daftar kelulusan penuntut2 yang di-keluarkan oleh Pejabat Pelajaran Negeri,

lapan orang penuntut yang lain-nya telah mendapat kenyataan kelulusan dalam mata2 pelajaran yang mereka ikuti.

Mereka itu ia-lah Inche Abdul Rahman bin Mohd Taib, Inche Ahmad bin Juma'at, Inche Tengah bin Pengiran Metassim, Inche Mahmood bin Bakir, Che Rafiah Binte Mustafa, Inche Han Ting Kuang, Inche Yong Eng Ping dan Che Rajaswari Rajaratnam.

Kesemua mereka ini ada-lah penuntut2 maktab itu juga.

Berlateh Di-BBC

BANDAR BRUNEI. — Dua orang juruhebah wanita dari bahagian ranchangan Melayu Radio Brunei telah berlepas ka-United Kingdom untuk menjalani tiga bulan kursus di-Radio BBC London, pada 20hb Februari lepas.

Kursus bagi juruhebah2 di-sa-berang laut itu telah pun di-mulakan pada 25hb Februari.

Kedua2 juruhebah jelita itu ia-lah Dayangku Intan binte Pengiran Apong dan Dayangku Mariam binte Pengiran Metali.

Dayangku Intan ia-lah salah sa-orang pegawai Radio Brunei yang terlama sa-kali berkhedmat dalam lapangan penghebahan dan ia-nya telah menerima latehan2 dalam lapangan itu di-Radio Sarawak dan Radio Malaya.

Ia mulai mencheborkan diri di-lapangan itu dalam tahun 1957 ia-itu sejak Radio Brunei mula di-tubuhkan.

Dayangku Mariam telah mula menggabungkan diri dalam keluarga Radio Brunei sejak dalam tahun 1958. Baharu2 ini ia telah selesai menjalani latehan dalam lapangan penghebahan sa-lama beberapa bulan di-Radio Singapura.

Kedua2 wanita itu di-sifatkan sa-bagai orang2 yang chergas dan giat dalam bidang gerakan2 social dan mereka ada-lah ahli2 yang aktiv dalam Pertubohan Perkumpulan Perempuan Brunei.

Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Inche Salleh bin Kadir dalam memberi penerangan, bahawa ada-lah dasar jabatan mengirim kaki tangan2-nya berlateh ka-sa-berang laut untuk memperoleh pengalaman yang lebeh dalam lagi dalam berbagai2 lapangan.

Dengan latehan demikian pegawai2 akan berpeluang meninggikan pengetahuan dan dengan itu dapat menyombangkan kebolehan mereka dengan baik, dan sa-terus-nya meninggikan taraf perkhedmatan Radio dan Penerangan yang ada sekarang.

Sa-takad ini Jabatan Siaran Radio dan Penerangan mempunyai dua orang penuntut juru-tera di-London, enam orang pegawai ranchangan dan teknik dalam latehan di-Singapura dan sa-orang lagi menuntut dalam ilmu kejuruteraan di-Melbourne, Australia.

Pendaftaran Kelas Inggris

SERIA.—Pendaftaran murid2 yang hendak memasoki kelas2 Bahasa Inggris di-Seria dan Kuala Belait telah di-mulakan pada hari Isnin 4hb Mach lepas.

Kelas2 itu di-adakan di-Maktab Anthony Abell di-sini dan di-Sekolah Chung Hwa Kuala Belait.

Murid2 hendaklah merepotkan diri kepada Pengelola2 Kelas Petang di-tempat2 yang tersebut, pada sa-belah petang jam 4.30.

Kelas2 petang di-Bandar Brunei mungkin di-mulakan dalam masa sa-bulan lagi.

Tarikh-nya akan di-umumkan kelak.

Lebih \$22,000 Untuk Derma Banjir

BANDAR BRUNEI. — Jawatankuasa Derma Banjir sekarang telah menerima wang kutipan untuk bantuan kepada mangsa2 banjir di-seluruh negeri sa-jumlah \$22,376.85.

Sa-lain dari itu jawatankuasa itu juga telah menerima sa-banyak 102 bungkusan barang2 pakaian, satu bungkusan kasut, lima peti barang2 makanan dan satu Kotak barang2 perkakas dapur.

Demikian menurut Bandahari Jawatankuasa itu Inche R. D. Ross kemarin.

Inche Ross memberitahu bahawa kebanyakan dari wang dan barang2 pakaian telah pun di-bahagi2kan kepada mangsa2 banjir menerusi Pegawai2 Daerah di-Kuala Belait, Tutong dan Temburong.

Belum lama dahulu wang sa-banyak \$7,000 dari tabong tersebut telah di-utangkan bagi bantuan kepada mangsa2 di-kawasan2 Daerah Belait, Temburong dan Tutong.

Dari jumlah itu sa-banyak \$3,000 telah di-keluarkan untuk Belait, \$2,000 untuk Temburong dan \$2,000 untuk Tutong.

Badan jawatankuasa tersebut juga telah mengirim sa-banyak

18 bungkusan barang2 pakaian dan lain-nya untuk di-bahagi2kan kepada mangsa2 banjir di-daerah2 yang malang itu.

Sementara itu Jawatankuasa Derma Banjir itu masih lagi menerima bantuan2 yang berupa wang untuk tabong tersebut.

Bantuan wang yang banyak ada-lah lagi di-harapkan dari para dermawan untuk menolong mangsa2 banjir membeli rumah2 mereka yang telah rosak di-sebabkan bencana alam itu.

Jawatankuasa derma banjir dengan ini menyampaikan terima kaseh banyak kepada para dermawan atas bantuan2 yang telah di-sumbangkan mereka.

Pegawai Tinggi TNKU Di-Tawan

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang Lieutenant dan empat orang Sergeant Major Tentera Nasional Kalimantan Utara telah di-tangkap di-kawasan Kampong Sabah, Bandar Brunei pada hari Khamis 28 hb Februari lepas, demikian menurut satu sumbar tentera di-sini.

Lieutenant itu ia-lah Pengiran Matassim bin Pengiran Damit.

Ke-empat2 orang sergent major ia-lah Ismail bin Chuchu, Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Damit, Pengiran Haji Ismail Damit dan Haji Sebak bin Haji Damit.

Sementara itu sa-orang Kopral TNKU, Haji Daud bin Osman telah menyerah diri di-Limbang, Sarawak pada 1 hb Mach lepas.

Di-kawasan Seria pehak polis telah menjumpai sa-laras senapang rifle dan peluru2 pada 1 hb Mach itu juga.

Di-kawasan Kuala Belait pula sa-puchuk senapang rifle dan banyak peluru2 telah di-jumpai oleh pehak polis pada 24 hb Februari.

Dengan itu hampir2 semua senapang2 rifle yang telah dilarikan oleh penderhaka2 dahulu itu telah pun di-dapati sa-mula. Demikian menurut juruchapak tentera di-Kuala Belait.

AZA DI-BRUNEI?

MUSTAHIL.

BANDAR BRUNEI.—Berita yang mengatakan bahawa ketua pemberontak Azahari telah berada di-hutan Brunei ada-lah di-sifatkan sa-bagai berita bukan saja mustahil bahkan amat mentertawakan dan palsu.

Sa-orang juruchapak tentera, tatkala menapikan berita itu berkata, bahawa berita tentang Azahari telah berada di-hutan Brunei itu ada-lah mentertawakan dan menggelikan hati.

Berita itu ada-lah palsu, sa-mata2 tidak berasas dan mustahil.

Akhbar2 di-Malaya telah memetik berita mengenai ada-nya pemimpin penderhaka Azahari di-Brunei dari sumbar2 akhbar yang di-terbitkan di-Jakarta.

Sumbar itu menyiarkan bahawa ketua penderhaka itu telah di-terjunksan dengan payong terjun untuk memimpin pengikut2-nya berjuang menentang kuasa imperialis.

Ia-nya telah di-terjunksan ka-dalam hutang wilayah Sabah oleh sa-buah kapal terbang awam yang membawa-nya dari Philippina ka-Jakarta.

Juruchapak tentera sa-lanjutnya menegaskan bahawa berita itu ada-lah sama sa-kali mustahil dan menda'awa berita itu ada-lah sa-mata2 palsu dan tidak berasas.

PENDERHAKA

DI-TANGKAP

KUALA BELAIT.—Sa-orang dari lima orang penderhaka yang di-dalam senarai orang2 yang di-kehendaki telah di-tangkap dua hari yang lalu di-sini.

Orang yang di-kehendaki itu ia-lah Awang Tengah bin Haji Metali.

Sa-orang juruchapak tentera di-sini memberitahu Pelita Brunei bahawa ada lagi senjata2 api telah di-dapat sa-mula oleh pehak yang berkenaan.

Dekat \$100,000 Untuk Ma'alumat2

BANDAR BRUNEI. — Wang sa-jumlah \$84,000 telah di-bayar kepada penduduk2 yang telah memberikan kerjasama mereka dengan Kerajaan dalam menjalankan penangkapan2 kepada penderhaka2 dan menjumpai senjata2 api.

Juruchapak tentera di-sini memberitahu Pelita Brunei bahawa mereka sangat berpuas hati atas chara penduduk2 di-negeri ini memberikan kerjasama mereka kepada pehak Tentera Keselamatan sa-masa berlaku-nya dharurat.

Ma'alumat2 yang telah diberikan kepada mereka, kata juruchapak itu lagi, telah menolong tentera keselamatan untuk menangkap saki baki penderhaka yang masek berleluas dan menjumpai senjata2 api yang telah di-churi dari balai2 Polis

sa-waktu menchetus-nya penderhakaan dahulu.

Dari jumlah wang yang telah di-keluar kan oleh kerajaan itu sa-banyak \$41,000 telah di-keluarkan di-Daerah Belait, \$38,000 di-Daerah Temburong dan \$5,000 di-Daerah Brunei/Muara.

Sementara itu kerajaan maseh lagi menawarkan hadiah2 kepada orang ramai untuk memberikan kerjasama untuk menolong memulehkan keamanan negeri dengan jalan memberitahukan kerajaan di-mana lagi di-dapati saki baki penderhaka dan tersembunyi-nya senjata2 api.

Kerajaan akan merahasiakan nama2 orang2 yang memberikan penerangan2 atau maklumat2 dan pembayaran hadiah2 juga akan di-rahasiakan.

kedua2-nya dari Daerah Temburong.

Pasokan Polis di-Brunei pula telah menangkap sa-orang Lieutenant dan sa-orang Sergeant Major TNKU hari itu juga.

Antara senjata2 api yang telah di-dapat kembali oleh Pasokan Keselamatan hari itu ia-lah tujoh laras senapang patah dan satu senapang rifle bersama2 dengan peluru2.

Kejayaan Gurkha

TEMBURONG. — Pasokan Gurkha Rifles 1/7 dalam satu gerakan menangkap penderhaka2 pada 26 Februari lepas telah berjaya menawan beberapa orang penderhaka yang bersembunyi di-kawasan Temburong/Limbang.

Pada 24 Februari satu pasokan bersenjata berjaya menawan empat orang penderhaka yang sedang menuju ka-sa-buah bangsal padi dari suatu bukit, dekat Pandaruan.

Dalam melancarkan timbakan2 Pasokan Gurkha itu telah menembak mati dua orang penderhaka dan melukakan dua orang lagi dan di-tawan. Sa-orang dari mereka itu telah mati kemudian-nya.

Ketiga2 yang mati itu ia-lah Kula bin Samat, Yahya bin Lamit dan Jumat bin Mahmud.

Penderhaka yang di-tawan itu ia-lah Ali bin Taim.

Pada 25 Februari satu Pasokan Gurkha telah menjumpai sa-buah pondok tempat penderhaka2 bersembunyi kira2 tiga batu di-Timor Bangar. Pasokan itu membuat beberapa timbakan sa-waktu menuju ka-pondok itu dan membunuh tiga orang penderhaka.

Sa-orang daripada-nya ia-lah Bukong bin Udan, sa-orang kapitan dan pemimpin TNKU yang terakhir di-ketahui di-Daerah Temburong. Bukong ia-lah bekas ahli Majlis Mashuarat Daerah Temburong dan Penolong Setiausaha dan Bandahari kepada Parti Ra'ayat Chabang Temburong.

Yang dua lagi itu ia-lah Katan bin Alok dan Burut bin Siat,

A.M.B.T MENJADI ASKAR MALAYSIA

BANDAR BRUNEI. — Askar Melayu Brunei akan di-satukan ka-dalam Pasokan Angkatan Bersenjata Persekutuan apabila Brunei menjadi anggota dalam Persekutuan Malaysia demikian di-nyatakan oleh Brigadier Ibrahim bin Ismail kemarin di-sini.

Brigadier Ibrahim dari Pasokan Angkatan Bersenjata Persekutuan Tanah Melayu sekarang dalam lawatan-nya untuk mengkaji kedudukan di-negeri ini.

Beliau di-iringkan oleh empat orang pegawai kanan angkatan bersenjata tersebut.

Brigadier Ismail berkata apabila Malaysia ujud pada 31 Ogos tahun ini ahli2 Pasokan Askar Melayu Brunei akan menjadi sa-bahagian tentera Persekutuan baharu itu.

Kata-nya tujuan utama lawatan rombongan-nya ka-negeri ini

ia-lah untuk mempelajari masa-lah2 pertahanan negeri Brunei.

Pada tengahari kemarin Brigadier Ibrahim dan rombongan-nya telah mengadakan rundingan sa-chara tidak rasmi dengan pegawai2 kanan Kerajaan dan penasihat2 tentera dari Angkatan Bersenjata British yang sekarang ini berpusat di-Brunei.

Kemudian-nya Brigadier Ibrahim dan rombongan telah di-bawa melawat ka-pantai Berakas di-mana tapak Perkhemahan Angkatan Bersenjata Brunei sedang di-bena.

Urusan Penting Di-Malaya

(DARI MUKA 1)

"Keberangkatan ini bukan-lah beta tidak menghargai kehendak dan kemahuan ra'ayat2 beta, tetapi pemergian beta ini ada-lah atas urusan yang sangat penting mengenai untong nasib ra'ayat beta di-seluruh negeri Brunei ini.

"Beta berangkat ka-Persekutuan ini ada-lah atas urusan perundingan mengenai kemasokan negara Brunei yang kita chintai ini ka-dalam Persekutuan Malaysia.

AMAT PENTING

"Soal kemasokkan" Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia ini ada-lah satu soal yang amat penting mengenai untong nasib dan keselamatan serta kema'amoran ra'ayat beta sekalian.

"Dengan sebab itu beta berharap ra'ayat beta menyedari akan hal yang beta sebutkan ini.

"Ra'ayat beta yang di-kasehi. Beta ada-lah penoh menyedari bahawa ra'ayat beta berkehendakkan kema'amoran, berkehendakkan keamanan dan berkehendakkan jaminan keselamatan untuk kehidupan ra'ayat beta dan keturunan kita pada masa yang akan datang.

"Keinsapan, kesedaran, dan kemahuan ra'ayat beta ini ada-lah beta sedari dan dengan sebab itu-lah beta memikirkan bahawa segala2 yang di-kehendakki oleh ra'ayat beta ada-lah menjadi satu tanggung-jawab yang amat penting dan beta pentingkan dalam urusan beta memimpin ra'ayat beta di-seluruh negeri Brunei ini.

"Insa Allah dengan kehendak Tohan yang menjadikan kita, dan yang berkuasa daripada segala yang berkuasa, beta akan tetap berdiri di-barisan hadapan,

untuk berjuang bersama2 ra'ayat beta. beta tidak akan membiarkan ra'ayat beta sendiri memandang dengan mata dan mendengar dengan telinga sahaja, tetapi beta ulangi beta akan tetap berdiri di-barisan hadapan, berjuang bersama2 dengan ra'ayat beta demi kepentingan dan kebajikan ra'ayat negeri Brunei Darul-Salam ini.

"Dengan ini ra'ayat beta yang di-kasehi hendak-nya ra'ayat beta sekalian bersabar-lah dan ta'at-lah kepada surohan dan perintah Allah Subahanahu Wata'ala dalam menjalankan kewajipan hidup kita di-negeri Brunei ini.

"Beta berharap dan mempunyai penoh kepercayaan bahawa ra'ayat beta sekalian akan berhati2 dan berjaga2 untuk meneliti keamanan hidup dan untuk kepentingan negeri kita ini.

"Berdiri-lah ra'ayat beta dengan perasaan yang satu, dengan niat yang satu.

HAK KITA

"Pertahankan-lah hak kita di-Brunei Darul-Salam ini dengan sa-penoh tenaga dan jiwa raga ra'ayat beta sekalian dan mudah2an dengan izin Tohan, Brunei ini di-hindar dari gangguan2 jahat dari niat2 yang jahat yang sentiasa menghasut, baik dari dalam mahu pun dari luar negeri.

"Ingat-lah bahawasa-nya Brunei Darul-Salam ini ada-lah negeri dan tanah ayer ra'ayat beta sekalian. Kita sekalian tidak-lah ridza Brunei akan di-ganggu dan di-kuchar-kachirkan oleh orang yang tidak bertanggung jawab dan yang sentiasa ingin untuk memecah-belahkan dan mengganggu keamanan, kema'amoran dan kesantosan yang telah kita nikmati sa-lama ini.

Lawat Pdg Minyak

SERIA. — Pegawai2 dan kaki tangan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan bahagian Daerah Belait telah mengadakan satu lawatan ka-Padang Minyak di-sini hari Juma'at, 1 Mach lepas.

Rombongan yang terdiri sa-ramai 14 orang itu telah diketuai oleh Pegawai Siaran Radio dan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Mohammad.

Mereka telah mendengarkan cheramah mengenai minyak dan padang2 minyak di-Borneo di-Pusat Pameran Perusahaan Minyak. Mereka juga berpeluang melihat2 Pameran Perusahaan.

Sa-lepas mendengarkan che-

ramah, rombongan tersebut telah di-bawa melawat ka-berbagai2 kawasan yang termasuk kumpulan tangki, kilang mengolah gas dan tempat menapis ayer.

Sa-sudah itu mereka telah di-bawa pula melawat ka-bengkel2 bahagian jentera dan patri.

Sa-lepas melihat Pameran Perusahaan mereka telah pula berpeluang menuntun wayang gambar mengenai minyak dan penghasilan-nya.

TA'KAN TERIMA

BRITAIN. — Britain telah memberitahu Bangsa2 Bersatu ia-nya tidak akan menerima perintah2 dari Bangsa2 Bersatu atau dari sebarang badan jawatankuasa Bangsa2 Bersatu tentang sebarang dasar yang Britain bentok terhadap tanah2 jajahan-nya.

Perwakilan Britain yang baharu yang mewakili 24 buah negara kuasa besar mengenai tanah2 jajahan, Tuan Cecil Edrard King berkata bahawa dasar penjajahan Kerajaan British yang ada sekarang ini adalah di-jalankan dengan betul.

Sejak tahun 1945, sa-jumlah 540 juta ra'ayat telah di-bawa ka-arrah kemerdekaan, Tuan King memberitahu Pertubuhan Bangsa2 Bersatu.

Kata-nya lagi Britain ada-lah bersedia untuk berkerjasama dengan Bangsa2 Bersatu dan akan terus memberikan penerangan mengenai tanah2 jajahan-nya serta menyertai dalam sebarang perbincangan mengenai perkara itu.

PENDERHAKA2 HAPUS

BANDAR BRUNEI. — Adalah di-harapkan bahawa penderhaka2 yang maseh lagi bersembunyi dalam hutan Borneo akan hapus sa-belum tarikh ujud-nya Malaysia — 31 Ogos tahun ini.

Major General W. C. Walker, Commander Angkatan Bersenjata British di-Wilayah2 Borneo berkata kepada pemberita2 tempatan dan luar negeri di-sini, hutan2 di-Borneo akan bersih dari penderhaka2 menepati sa-belum Malaysia ujud.

Beliau telah mengeluarkan amaran kepada penderhaka2 yang maseh berleluas, bilangan mereka hanya dalam 200 orang lagi, kira-nya mereka tidak menyerah diri dengan chepat mereka akan menjumpai maut dari gerakan2 tentera.

Kebanyakan penderhaka2 itu bersembunyi di-hutan2 di-Brunei, di-Bahagian ke-4 dan ke-5 Sarawak.

Y.T.M. Pemangku Raja Di-Temburong



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Selaku Pemangku Raja kelihatan sedang memberi ucapan kepada penduduk2 di-Daerah Temburong ketika beliau mengadakan lawatan ka-sana pada hari Sabtu 16 Februari yang lalu.

ENAM BEKAS PEGAWAI TNKU DI-TAWAN

KAMPONG AYER, BANDAR BRUNEI.—Enam orang ahli2 yang berpangkat dari bekas Tentera Nasional Kalimantan Utara telah tertangkap lagi minggu ini di-kawasan Kampong Ayer di-sini demikian di-umumkan oleh sa-orang juruchapak Pasokan Keselamatan.

Dua orang daripada-nya adalah berpangkat Kapitan, dua orang Sergeant Major dan dua orang Sergeant.

Mereka itu ia-lah Kapitan Haji Ismail bin Haji Ahmad, Kapitan Ibrahim bin Metassan, kedua2-nya dari Kampong Peramu, Sergeant Ahmad bin Chaban dari Kampong Sungai Siamas, Sergeant Major Alias bin Othman, Sergeant Major Awangku Ba-lin bin Pengiran Metassan, Sergeant Mokhtar bin Akut. Di-Batu 7, Jalan Pendaruan,

Temburong sa-orang penderhaka yang di-shakki telah juga di-tangkap di-rumah-nya minggu ini.

Sementara itu senjata2 api dan peluru2 telah banyak lagi di-dapati oleh pehak pulis di-Penaga, Seria dalam minggu ini.

Menurut juruchapak itu lagi penduduk2 di-Daerah Brunei/Muara ada-lah berasa gembira atas kejayaan2 Pasokan Keselamatan dalam melancarkan gerakan2 menghapuskan saki baki penderhaka yang maseh lagi bersembunyi.

Ini ada-lah menunjukkan bahawa penduduk2 itu dan orang ramai sudah benchi dan berasa bosan terhadap TNKU dan pengikut2-nya, tegas juruchapak itu.

MENJADI HAKIM

BANDAR BRUNEI. — Tuan Dennis B. McGilligan telah dilantik menjadi Hakim Rendah bagi Mahkamah Tinggi, Brunei, Sabah dan Sarawak mulai 1 Mach lepas.

Lantekan tersebut telah di-umumkan minggu ini oleh ketiga2 wilayah British Borneo.

PESTA FILEM

TOKYO. — Pesta Wayang2 Filem bagi negeri2 di-Asia yang ke-10 akan di-adakan di-sini mulai 15 April tahun ini dan akan mengambil masa sa-lama lima hari.

Beberapa buah filem Melayu keluaran Sharikat2 filem di-Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu di-jangka akan menyertai pesta tersebut.

KEMALANGAN MOTOR-CYCLE

BANDAR BRUNEI. — Satu kemalangan di-antara sa-buah motor cycle dan land-rover telah berlaku awal2 pagi hari Isnin lepas di-simpang Jalan Tutong dan Jalan Berakas di-sini.

Pemandu motor cycle telah mendapat sa-dikit chedera dan kerosakan motor cycle-nya.

LAGI TAHANAN DI-BEBASKAN

BERAKAS. — Dua belas orang lagi tahanan dari Khemah Tahanan di-sini dekat Bandar Brunei telah di-bebaskan kemarin, 5 Mach.

Sa-belum upacara mengangkat sumpah ta'at setia di-lakukan sa-bagaimana biasa di-buat oleh orang2 yang di-bebaskan, mereka telah menerima kata2 nasehat dari Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Pengiran Haji Abdul Rahman telah menasehatkan mereka supaya kembali menumpukan ta'at setia mereka kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Antara yang di-bebaskan kemarin itu ia-lah sa-orang yang berumur 69 tahun, Momin bin Labai.

Momin telah mengutok penderhakaan dan berkata yang ia-nya tidak ada sangkut paut dengan penderhakaan itu.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa semua orang2

tahanan di-Khemah Tahanan di-Seria sekarang telah di-pindah ka-Khemah Tahanan Berakas.

Khemah Tahanan Berakas sekarang mempunyai 1,503 orang tahanan.

MELIHAT ANAK BULAN

BERAKAS. — Sa-rombongan dari pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dengan kerjasama Pejabat Ukur Negara telah keluar pada petang 24 Februari lepas untuk melihat anak bulan Shawal, kerana menentukan hari berhari raya.

Mereka telah pergi ka-pantai Berakas untuk tugas tersebut.

Dalam gambar di-bawah pegawai2 kerajaan tersebut kelihatan sebok untuk melihat sama ada anak bulan dapat di-lihat petang itu.



KUALA LUMPUR. — Lima orang ahli2 Parti Perikatan Brunei yang baharu saja di-tubuhkan itu telah terbang ka-sini pada 19 Februari untuk membicarakan tentang Malaysia dengan Perdana Menteri dan pemimpin2 di-Malaya.

Sa-masa di-Malaya mereka telah bertemu dengan Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak bin Hussain di-bilik Kementerian Pembangunan Luar Bandar, di-Kuala Lumpur.

Gambar di-atas menunjukkan (dari kanan) Pengiran Mohammad bin Hassan, Tuan Haji Ghazali, Tun Abdul Razak, Inche Abdul Manan bin Mohammad, Haji Hasbollah bin Haji M. Daud (ketua) dan Inche Arshad bin Marsal. — Gambar kiriman JABATAN PENERANGAN MALAYA.

LAWATAN WARTAWAN2

SERIA. — Satu rombongan para wartawan dari Persekutuan Tanah Melayu yang telah mengadakan lawatan singkat ka-Brunei baharu2 ini telah singgah ka-Padang Minyak Seria pada hari Kamis lepas.

Rombongan sa-ramai 12 orang itu telah mewakili berbagai2 surat khabar di-Persekutuan.

Mereka itu ia-lah Inche Tan Took Saik dari Straits Times, Inche James David dari Malayan Times, Inche Jamuddin bin Mohammad dari Utusan Melayu, Inche Wahab bin Mohammad Zain dari Berita Harian.

Inche M. Subramaniam dari Tamil Nesan, Inche Lee Ying Bing dari China Press, Inche Tan Cheng Nai penggambar dari Sen Chew Jit Poh, Inche Lim

Siow Mong dari Nanyang Siang Pau, Inche Dom Madzi dari Radio Malaya dan Inche Yeo Gaik It jurugambar dari Malayan Film Unit.

Bersama2 mereka telah turut Inche Ng En Fok ia-itu jurugambar Perkhidmatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, dan dua orang pegawai askar ia-itu Major Currie dan Major Dent.

Mereka telah di-bawah melawat ka-padang minyak itu oleh dua orang pegawai dari Jabatan Siaran Radio Dan Penerangan Brunei Inche Mustafa Yussuf dan Inche Ismail bin Ahmad.



Ada Ta' Dapat Berhari Raya Baginda Dukachita

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin dalam titah hari raya baginda telah menyatakan rasa dukachita baginda kerana ada di-antara ra'ayat tidak dapat menikmati hari yang berbahagia hari raya dengan semporna-nya.

Ini, tegas baginda, ada-lah di-sebabkan perbuatan penderhakaan yang di-anjorkan oleh orang2 yang tidak bertanggung jawab, dan telah memesongkan kebanyakan dari ra'ayat Brunei.

Dalam pada itu baginda telah membuka titah hari raya dengan kashukoran kerana berpeluang menyampaikan ucapan selamat Idulfitri kepada ra'ayat baginda.

Ucapan baginda sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

"Beta sangat bersukachita kerana dapat peluang untuk mengucapkan selamat Hari Raya Idulfitri kepada ra'ayat beta khas-nya dan sekalian kaum Muslimin am-nya, pada hari yang berbahagia ini.

"Sa-sungguh-nya beta memohon shukor ka-hadrat Illahi yang telah menyelamatkan Negeri Brunei serta ra'ayat beta sekalian daripada maksud orang2 yang khianat.

"Beta yakin bahawa ra'ayat beta semua telah terpedaya oleh mereka yang mempunyai tujuan semata-mata hendak menjahanamkan tanah ayer kita maka itu-lah sebab-nya perbuatan mereka itu tiada di-izinkan oleh Tuhan yang maha kuasa.

"Sekarang, sa-telah selamat menyempornakan fardu Ramadan sampai-lah masa-nya umat Islam mengerjakan Idul-fitri, membuat ibadat kunjong mengunjongi dan bersuka ria di-seluruh alam.

"Tetapi, dukachita, ada di-antara ra'ayat beta yang tidak dapat menikmati hari yang berbahagia ini dengan semporna-nya, di-sebabkan oleh perbuatan penderhakaan yang tiada bertanggung jawab itu.

"Banyak yang menderita menanggung seksa dan bersedeh dan bercherai-berai. Ini-lah perkara yang menyedihkan beta pada hari raya ini.

"Ada pula terdapat hasutan dari luar negeri dengan tujuan hendak mengekalkan huru-hara dalam Negeri Brunei.

"Semua-nya perkara ini hanya menunjukkan kepada beta dan ra'ayat beta yang ta'at setia bahawa Negeri Brunei sedang menghadapi musuh2 yang jahat.

BERSAMA2 BERJUANG

"Tetapi insha-Allah dengan sokongan ra'ayat2 beta yang ta'at setia kepada tanah ayer kita, beta akan bersama2 berjuang untuk memandu negeri kita kepada jalanyang bahagia,

daripada musuh2 yang menchuba hendak mencheborkan negeri kita ka-arrah kehinaan dan kepapaan dengan membuat hasutan dan di'ayah2 yang palsu.

"Oleh sebab itu beta perchaya jalan yang lebih semporna dan selamat bagi Brunei ia-lah memasoki ka-dalam Persekutuan Malaysia bersama2 dengan Sabah, Sarawak, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

"Rundingan2 permulaan bagi menghasilkan chita2 ini telah pun selesai di-antara wakil2 dari Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu dan pada hari yang berbahagia ini mari-lah kita bersama2 berdoa kepada Allah mudah2an chita2 kita menjadi anggotta Malaysia bagi keselamatan dan kebahagiaan negeri kita chepat berjaya.

MENGINGAT JASA2

"Bagitu juga pada hari ini mari-lah kita sekalian sambil bershukor kepada Allah mengingati jasa2 saudara2 dan sahabat2 kita yang terdiri daripada

pasokan2 pengawal keselamatan askar2 British, pasokan2 pulis dan lain2-nya yang telah berjuang dan mereka2 yang telah datang dengan serta-merta membantu kita semua di-Brunei tat-kala kita menghadapi bahaya penderhakaan itu.

"Hutang emas boleh di-bayar hutang budi, yang nyata berbokti, maka terpulang-lah kepada kita sekalian yang benar2 menyedari dan menikmati pada memberikan nilai harga-nya.

"Oleh yang demikian tunjokkan-lah kepada mereka itu yang kita anak negara Brunei tiada lupa kepada jasa mereka yang berkhidmat dan yang datang dari jauh kerana berkhidmat bagi keselamatan diri kita semua.

"Kapada mereka itu beta ucapkan Selamat Hari Raya dan banyak terima kaseh.

SIDANG PEGAWAI2 RADIO

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Siaran Radio dan Penerangan Daerah Brunei Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid telah berlepas ka-Kuching kemarin untuk menghadiri Persidangan Pegawai2 Radio yang mulai di-adakan di-Kuching hari ini.

Persidangan yang akan selesai hari juma'at ini di-jangka di-hadhi oleh wakil2 dari Sarawak, Sabah, Singapura, Persekutuan Tanah Melayu dan Brunei.

Antara tajok2 untuk di-binchangkan ia-lah chara2 menyatukan ranchangan2 radio dalam lengkungan kawasan Malaysia.

Kerjasama Penghulu2 Di-Kehendaki - P. D.

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei/Muara, Inche Sani bin Ahmad telah memberitahu semua penghulu dan ketua2 kampung di-daerah bahawa ada-lah menjadi tanggung jawab mereka untuk bekerjasama dengan pihak kerajana, dalam usaha memelihara persesuaian di-kampung2 mereka.


Sa-bagai wakil2 yang ditugaskan oleh kerajaan, penghulu dan ketua kampung adalah juga bertanggung jawab terhadap kebajikan anak2 kampung mereka, tegas Inche Sani.

Inche Sani telah berkata demikian dalam satu perjumpaan dengan penghulu2 itu yang telah di-adakan di-bilik mahkamah di-Bandar Brunei dalam bulan lepas.

Dalam ucapkan-nya, Inche Sani telah memberitahu mereka, bahawa perjumpaan yang di-adakan itu akan terus di-adakan dua minggu sa-kali.

Samentara itu perjumpaan serupa itu ada-lah juga di-adakan di-bilik Pegawai Daerah di-Kuala Belait, juga dua kali seminggu.

Tujuan perjumpaan itu, kata Pegawai Daerah Belait, ada-lah untuk membolehkan penghulu2 dan ketua2 berdamping rapat dengan kerajaan, untuk mengemukakan sa-barang kesulitan dan kesusahan penduduk2 di-kampung2.



Pemandangan menunjukkan sa-buah gerai yang di-dirikan khas untuk khari2 dan kharia2 sa-waktu peraduan bacaan Kitab Suchi Al-Koran antara bangsa di-adakan di-Kuala Lumpur, pada 10 hingga 14 Februari lepas.

Negeri2 yang menyertai dalam peraduan tersebut ia-lah: Brunei, Sabah, Sarawak, Singapura, Thailan, Philippine, India, Pakistan dan Malaya.

Dua orang wakil dari Brunei telah pun di-hantar untuk menyertai dalam peraduan antara bangsa itu—Gambar Kiriman JABATAN PENERANGAN MALAYA.

PERISTEWA BUROK TIDAK MENGHALANG HARI RAYA

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei Dato Setia Marsal bin Maun berkata meskipun peristiwa burok yang di-anjorkan oleh pemimpin2 yang tidak bertanggung jawab telah berlaku baharu2 ini, namun ra'ayat yang ta'at, dapat menyempurnakan fardu Ramdzan, dan seterusnya menyambut Hari Raya, pada hari yang berbahagia ini.

Dalam ucapan-nya menyembut Hari Raya beliau berkata, semua lapisan ra'ayat yang insaf dan yang sadar akan tanggung jawab mereka terhadap negeri ini, telah mengutuk penderhaka yang di-sifatkan sa-bagai manusia yang bertopengkan perjual-

ngan kebangsaan dan faedah untuk mereka sendiri.

Kata-nya lagi penderhakaan yang tidak di-ingini itu telah dapat di-hanchorkan.

Beliau menegaskan meskipun undang2 dharurat maseh lagi dikuatkuasakan, tetapi seluruh Umat Islam di-negeri ini dapat menyambut Idulfitri.

Beliau perchaya bahawa ra'ayat seluruh-nya sedang mera-

sakan keamanan dan ketenteraman sa-olah2 seperti sedia kala kerana keyakinan mereka terhadap kebijaksanaan pehak kerajaan, yang di-terajukan oleh D. Y. M. M. itu, ada-lah sentiasa berusaha untuk kebajikan ra'ayat seluruh-nya.

Beliau telah menyeru ra'ayat supaya bekerjasama dengan pehak kerajaan, untuk memulihkan keamanan, mengekalkan ke'adilan, perdamaian dan kema'moran.

Belajar Sa-Mula

(Dari Muka 1)

Salu bagaimana pun, kata Che'gu Hussain, penuntut2 di-ekolah2 yang belum boleh belajar itu di-jangka akan belajar sa-mula sa-lewat2-nya hujung bulan Mach ini."

Mengenai murid2 baharu Che'gu Hussain berkata mereka tu hendak-lah menunggu sehingga sekolah2 tersebut di-buka sa-mula.

Sementara itu, bahagian darah2 Dewasa Membenteras Buta Huruf, Tringkas, Lukisan Khas, Bahasa Melayu bagi orang2 Melayu dan Pegawai2 Kerajaan di-jangka akan di-buka pada pertengahan bulan Mach ini.

Menurut Pengelola Perkembangan Bahasa, Che'gu Omar bin Mohammad, darjah lukisan ada-lah julong2 kali di-adadi-negeri ini.

"Tujuan mengadakan kelas lukisan tersebut sa-mata2 untuk memberi galakan kepada penuntut2 yang berbakat dalam lapangan seni lukis yang sekarang ini di-perchayai sedang terpenam bagitu saja", Che'gu Omar penerangan.

Che'gu Omar menambah bahawa kelas lukisan tersebut diadakan hanya satu kelas sahaja dan sa-orang guru tempatan telah pun di-lantik untuk mengajar penuntut2 itu.

Darjah lukisan khas hanya diadakan di-Bandar Brunei dan darjah tringkas akan di-adakan di-Daerah Belait mulai tahun ini. Pendaftaran bagi memasuki kelas2 tersebut mulai pada 5 Mach dan di-tutup pada 12 Mach dan borang2 pendaftaran oleh di-dapati di-Pejabat Bahagian Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei.

Pusat pendaftaran bagi darah2 dewasa bukan Melayu di-Daerah Belait, di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin; penuntut2 darjah2 dewasa di-Seria, pusat pendaftaran-nya di-Sekolah Melayu Mohammad Alam di-Daerah Brunei/Muara, pusat pendaftaran-nya di-Pejabat Bahagian Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei.

Zaini Lari Dari Penderhaka Azahari

BANDAR BRUNEI. — Zaini bin Haji Ahmad, bekas orang kanan kepada Pemimpin Penderhaka Azahari, yang tidak lama dulu telah menyerah diri kepada pehak yang berkuasa British di-Hongkong, telah kembali ka-sini dua minggu lepas dengan kapal terbang.

Sa-masa terchetus-nya penderhakaan, Zaini telah berada di-Manila, sa-bagai apa yang di-gelar oleh Azahari, Menteri Perdagangan-nya.

Hanya beberapa hari di-Manila, kedua2 orang pemimpin itu

di-beritakan berselisah faham.

Menurut akhbar2 bahawa chara2 penderhakaan yang di-anjorkan oleh Azahari itu, tidak sa-chuchok dengan pendapat Zaini.

Sa-telah pergolakkan antara dua orang itu berlaku, Zaini kemudian-nya melarikan diri untuk mendapat perlindungan dari pehak yang berkuasa British di-Hongkong.

Sekarang Zaini sedang ditahan oleh pehak yang berkuasa di-Brunei di-dalam kemah tahanan penderhaka2.

Sultan Bersama2 Ra'ayat Sembahyang

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin bersama2 dengan lebih dari 4,000 ra'ayat baginda telah bersama2 menunaikan sembahyang Hari Raya Aidil Fitri di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini pada 26hb Februari lepas.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah juga menyampaikan khubah Hari Raya.

Di-antara pembesar2 tanah ayer yang ikut sembahyang ia-lah Duli2 Wazir, Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Setia Usaha Kerajaan dan Timbalan Setia Usaha Kerajaan.

Sa-baik sahaja selesai upacara sembahyang Hari Raya orang ramai pun berkunjong ka-Istana Darul Hana untuk berziarah dan mengucapkan selamat Hari Raya kepada baginda.

Lebih 5,000 ra'ayat di-negeri ini telah mengadap Duli Yang Maha Mulia.

Sa-lain daripada itu, Hari Raya telah juga di-rayakan dengan penoh meriah oleh rombongan bintang2 filem Studio Cathay Keris, Singapura yang antara-nya terdiri dari seniman dan seniwati genit seperti Ros-yatimah, Suraya Harun dan Latifah Umar.

Rombongan itu di-ketuai oleh "raja kelakar" seniman Wahid

Satay dengan pancharagam-nya sendiri yang di-ketuai oleh A. Rahim sa-orang seniman yang tidak asing lagi di-kalangan peminat2 filem Melayu di-sini.

Mereka telah mengadakan malam aneka warna dua malam berturut2 ia-itu pada malam 25 dan 26hb Februari yang lalu dengan mempersembahkan nyanyian2, lawak jenaka dan permainan pancharagam sa-chara bunyi2an saja.

Beribu2 ra'ayat di-negeri ini telah membanjiri Padang Besar di-sini untuk menyaksikan persembahan2 tersebut.

Terdahulu dari itu, satu malam aneka warna menjelang Hari Raya anjoran Jabatan

PERMAINAN SERULING

LIMBANG. — Ramal penduduk2 di-sini telah keluar menyaksikan permainan seruling dan tambor yang di-tunjukkan oleh Pasokan Pertama dan Ketujuh, Duke of Edinburgh's Own Gurkha Rifles pada hari Sabtu lepas.

Temasha permainan seruling dan tambor itu telah bermula sejak beratus tahun dahulu.

Pada masa itu tambor telah di-palu sa-tiap hari, sa-belum mata hari masok, sa-bagai amaran kepada pekerja2 di-luar kota mengisaratkan bahawa tidak berapa lama lagi pintu masok ka-kota itu akan di-tutup.

Tetapi kemudian-nya, tambor ini telah di-tambah dengan alat2 bunyi2an yang lain, dan kemudian-nya pukolan tambor ini bukan sahaja di-anggap sa-bagai amaran, malah juga di-anggap sa-bagai satu pesta muzik.

Permainan Seruling dan Tambor Pasokan Gurkha itu, telah mendapat sambutan yang mariah dari orang ramai yang terdiri dari berbagai2 bangsa dan lapisan.



Che Suraya Harun (atas) Salah sa-orang bintang dari Singapura yang telah bersama2 menyombangkan suara-nya dalam menyayakan malam aneka warna Hari Raya di-Padang Besar Bandar Brunei.

Siaran Radio dan Penerangan, Brunei yang mengandongi peraduan2 Ratu Kebaya, menyanyi terbuka kepada laki2 dan perempuan, persembah2an lagu2 asli Brunei, tarian asli Brunei, tablo dan seruling asli telah juga di-adakan.

Malaysia Tegapkan Ekonomi

JESSELTON, SABAH. — Pertubohan Malaysia dapat memelihara keutuhan ekonomi Negeri Brunei.

Demikian telah di-terangkan oleh Penyurat Haji Abu Bakar bin Jambul, Bandahari Pertubohan Parti Kebangsaan Brunei, sa-tiba-nya di-sini untuk menghadiri persidangan parti2 politik pro-Malaysia yang telah di-adakan di-Jesselton bulan lepas.

Penyurat Haji Abu Bakar telah mengetuai satu rombongan lima orang perwakilan parti tersebut dalam persidangan itu.

Beliau berkata bahawa parti-nya ada-lah menyokong Malaysia kerana dengan menggabungkan negeri-nya ka-dalam Malaysia saja-lah keutuhan ekonomi Negeri Brunei akan terpelihara.

Ra'ayat Brunei, sambong beliau lagi, ada-lah menyokong Malaysia dan mereka ingin menyertai ka-dalam persekutuan baharu itu dengan kemahuan

mereka sendiri.

Parti Kebangsaan Brunei adalah berharap Persekutuan Malaysia akan tetap ujud pada sa'at yang di-jadualkan, ia-itu pada 31 hb Ogos tahun ini, kata beliau.

Kata-nya lagi Pertubohan Parti Kebangsaan ada-lah berasa kesal tentang sikap permusohan Indonesia terhadap Malaya. Namun begitu, beliau berharap, Kerajaan Indonesia akan mengubah sikap-nya kapada satu tali persahabatan yang mesera pada satu waktu nanti.

Persidangan parti2 pro-Malaysia itu telah di-hadiri oleh perwakilan dari Malaya, Sarawak, Singapura, Sabah dan Brunei.

Ahli2 Pertubohan Parti kebangsaan yang lain-nya ia-lah Inche Abdul Latif bin Buyong, Inche Morsilin bin Baik, Inche Mohammad Tahir bin Abdul Rahman dan Inche Mohammad bin Piut.

Tahanan2 Di-Pindah

SERIA. — Khemah Tahanan Seria di-Lurong 7 sekarang sudah pun di-tutup dan tahanan2 disana di-pindahkan ka-Brunei untuk di-satukan dengan tahanan2 yang lain-nya.

Khemah samentara itu didirikan berikutan dengan tangkapan2 kapada orang2 yang berkaitan dengan penderhakaan di-Daerah Belait.

Terdahulu dari itu orang2 tahanan2 telah di-tempatkan di-Ibu Pejabat Polis di-Penaga, Lurong 14 dan kemudian-nya di-pindah ka-Pangong Wayang Roxana samentara khemah tahanan di-Lurong 7 belum siap di-bena.

Dengan penutupan khemah itu isteri2 atau keluarga orang2 tahanan di-Belait boleh-lah menagalmatkan surat2 kapada orang2 tahanan itu ka-COMMANDANT, KHEMAH TAHANAN BERAKAS, BRUNEI.

Mashuarat Tahunan Pengakap

BANDAR BRUNEI. — Mashuarat Agong Tahunan bagi Kesatuan Pengakap2 Daerah Brunei akan di-adakan di-rumah Pesuruh Jaya Pengakap Brunei di-Jalan Malaban, dekat Bandar Brunei, pada hari Kamis, 7 Mach.

Mashuarat itu di-jangka akan di-pengerusikan oleh Tuan Norman Bradbury sa-bagai menggantikan tempat pengerusi tetap kesatuan itu yang masa ini berada di-Malaya.

Pengerusi tetap itu ia-lah Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Berbagai2 tajok perbinchangan di-jangka akan di-bawa ka-dalam sidang tahunan itu.

Antara-nya ia-lah untuk menerima penyata2 kewangan dan mengesahkan chara2 mengutip derma untuk memblayai wakil2 Brunei untuk menghadiri ka-Perhimpunan Pengakap2 yang akan di-adakan di-Greec dalam tahun ini.

DUA MENAREK DIRI

SABAH. — Dua orang pemimpin politik yang telah menyokong penderhakaan Azahari yang gagal itu telah menarek diri dari berdampingan dengan dasar2 Azahari.

Surat2 menarek diri tersebut telah di-sampaikan kapada Jawatankuasa Rendah Bangsa2 Bersatu di-New York.

Tidak lama dahulu kedua2 pemimpin itu telah membuat satu kenyataan bersama untuk menentang gagasan Malaysia kapada Bangsa2 Bersatu.

Sa-orang dari pemimpin itu ia-lah Tuan G. S. Sundang, Yang Dipertua Parti Kebangsaan Pasok Momogun, Sabah.

Beliau berkata parti-nya sekarang telah mengubah pendirian-nya dan menyokong pem-

bentokan Malaysia yang akan memberi jaminan keselamatan kapada ra'ayat.

Pemimpin yang sa-orang itu lagi, nama-nya tidak di-berikan telah menyatakan bahawa parti-nya tetap berdampingan dengan Parti Ra'ayat Sarawak tetapi tidak menganut dasar2 Azahari.

Azhari, bekas pemimpin Parti Ra'ayat Brunei yang diharamkan itu telah melancarkan penderhakaan kini telah pun hanchor lebor dan di-kutok oleh sa-genap lapisan manusia.

DERMA H. R.

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 350 orang anak2 yatim di-Kawasan Bandaran, Bandar Brunei telah menerima sa-banyak \$5.00 sa-orang sa-bagai derma Hari Raya untuk membolehkan mereka bersama2 menikmati hari yang berbahagia itu.

Derma kebajikan itu telah di-anjorkan oleh sa-buah jawatankuasa Derma Hari Raya, Brunei. Derma tersebut di-sampaikan sa-belum menjelang-nya Hari Raya.

Jawatan Kuasa yang di-ke-tuai oleh Pesuruh Jaya Perpendahan Kampong2 Ayer, Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Setia Haji Ahmad telah melawat sa-banyak 37 buah kampong2 untuk menyampaikan derma tersebut.

Orang2 tahanan di-penjara Jerudong dan orang2 sakit di-rumah2 sakit kerajaan juga telah mendapat derma kueh mueh, buah2an dan minuman sejak dari jawatan kuasa itu.

Derma demikian telah pun di-anjorkan oleh jawatankuasa itu sejak beberapa tahun dahulu.



BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 10 orang seniman dan seniwati dari Sharikat Cathay Keris Filem Singapura telah mengadakan malam aneka warna dua malam berturut2 bertempat di-Padang Besar di-sini sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri, pada 25 dan 26 Februari lepas.

Malam aneka warna itu ada-lah di-bawah anjoran Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dengan kerjasama dari Sharikat Filem tersebut.

Rombongan bintang2 filam itu di-ke-tuai oleh seniman Wahit Satay dan mengandongi bintang2 filam yang tidak asing lagi di-kalangan peminat2 filam Melayu di-negeri ini termasuk sa-orang penyanyi yang di-sukai ramai ia-itu R. Ismail.

Di-ke-dua2 malam tersebut, mereka telah mempersembahkan nyanyian2, dan lawak jenaka.

Mereka telah pulang ka-Singapura pada minggu lepas.

Gambar di-atas menunjokkan satu di-antara lawak2 jenaka yang di-persembahkan oleh Wahit Satay, Latifah Omar dan A. Rahim, manakala gambar di-selabel kiri ia-lah Seniwati genit Rosyatiimah sedang menyanyikan lagu "Sampaikan-lah Salamku".